

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah/kerugian yang bakal wujud akibat penangguhan tarikh siap Lebuh Raya Pinggiran Pantai Barat dari tahun 2019 ke 2024 seperti yang dilaporkan dalam buku RMK-12.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) ini merentasi dua (2) buah negeri iaitu Negeri Selangor dan Negeri Perak sejauh 316 km di bina di sepanjang persisiran pantai barat untuk kemudahan penduduk setempat dan juga pengguna lebuhraya ke utara. Panjang jajaran Lebuhraya WCE yang dilaksanakan secara penswastaaan oleh West Coast Expressway Sdn. Bhd. (WCESB) adalah sepanjang 233 km manakala jajaran sepanjang 83km untuk menaiktaraf jalan sedia ada (FR5) dilaksanakan menggunakan peruntukan Kerajaan.

Pembukaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) secara berperingkat telah bermula pada tahun 2019 melibatkan Seksyen 5 di Selangor (dari Persimpangan Bandar Bukit Raja ke Persimpangan Kapar) serta Seksyen 8, 9 dan 10 di Negeri Perak (dari Persimpangan Hutan Melintang ke Persimpangan Teluk Intan dan dari Persimpangan Kg. Lekir ke Persimpangan Beruas).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyiapan lebuhraya WCE yang dinyatakan pada tahun 2024 adalah khusus bagi jajaran di Negeri Selangor. Pada masa kini, kerja-kerja pembinaan sedang giat dijalankan di bahagian jajaran yang belum disiapkan melibatkan kerja tanah, pembinaan struktur dan jambatan, perparitan, cerun, turapan, kerja mekanikal dan elektrik, perabot jalan, bangunan dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kemajuan pembinaan agak terkesan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) bagi mengekang pandemik Covid-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuhraya WCE dilaksanakan secara penswastaaan oleh WCESB. Oleh yang demikian, penangguhan tarikh penyiapan lebuhraya WCE ini tidak mendatangkan kerugian dan implikasi kos secara langsung kepada pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan projek RMKe-12 yang melibatkan kawasan Parlimen Taiping.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan memberi perhatian kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di semua Parlimen seluruh negara termasuk Parlimen Taiping, Perak. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat di Parlimen ini.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak 13 projek untuk pelaksanaan di Parlimen Taiping, Perak pada tahun 2021 yang melibatkan kos sebanyak RM374 juta dengan peruntukan sebanyak RM82.77 juta. Ia melibatkan 4 projek baharu dan 9 projek sedia ada. Projek-projek tersebut adalah termasuk membina pusat pendidikan awal kanak-kanak, kajian rancangan kawasan khas warisan bandar Taiping dan menaik taraf Hospital Taiping.

3. Dengan mengambil kira kedudukan semasa kewangan negara, peruntukan sebanyak RM69.25 juta dicadangkan untuk tahun 2022 bagi melaksanakan 5 projek baharu dan 12 projek sambungan. Projek-projek tersebut adalah termasuk menaik taraf sekolah daif dan membina kompleks pendidikan khas, menaik taraf Maktab Rendah Sains MARA dan menaik taraf fasiliti di Zoo Taiping.

Sekian, terima kasih.